

07/08/1997

Apabila Perdana Menteri melenting

Manja

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad memang berhak marah Ahad lalu. Bukan saja Perdana Menteri malu, malah negara keseluruhan turut aib apabila pemimpin sebuah negara yang cukup mengkagumi Malaysia, di akhir lawatannya, secara tidak sengaja terlihat sampah-sarap di sepanjang perjalanan yang di luar program lawatan rasmi. Lebih memalukan laluan itu menghubungkan sebuah kompleks beli-belah terkenal ke hotel lima bintang di kawasan paling tersohor di Kuala Lumpur. Perdana Menteri Pakistan, Nawaz Shariff memang ikhlas apabila memuji kemajuan Malaysia. Dalam perbincangan dari hati ke hati dengan beberapa wartawan tempatan di hotel penginapannya petang Jumaat lalu, beliau tidak segan silu menyatakan kerajaannya akan menjadikan Malaysia model reformasi ekonomi Pakistan.

Malah, tindakan beliau berjalan kaki ke Lot 10 itu sebenarnya tidak jauh berbeza dengan amalan Dr Mahathir apabila melakukan lawatan ke luar negara. Dengan membuat kunjungan yang di luar atur cara rasmi, mereka boleh melihat keadaan sebenar sesuatu tempat. Bezanya, apabila Dr Mahathir membuat kunjungan seumpama itu di negara maju, kebanyakan pemerhatiannya itu dibawa balik untuk cuba diterapkan di tanah air. Bagaimanapun, kita tidak tahu apa anggapan Nawaz Shariff ketika melihat longgokan sampah sarap di sepanjang perjalanan dari Lot 10 ke Hotel Regent itu. Jika sebelum ke Lot 10, Nawaz Shariff memberitahu Dr Mahathir bahawa Kuala Lumpur sangat bersih, beliau mungkin membuang perkataan `sangat' jika pertemuan itu selepas perjalanannya pulang dari pusat beli-belah itu.

Bagaimanapun perkataan `bersih' itu sendiri amat relatif sifatnya. Kuala Lumpur mungkin lebih bersih berbanding Islamabad, Karachi atau Rawalpindi tetapi pusat bandar Tokyo, Paris, Bonn, malah Singapura, pastinya jauh lebih bersih daripada Kuala Lumpur. Dan kawasan Bukit Bintang serta Jalan Tun Ismail mungkin persekitaran yang paling bersih di Kuala Lumpur berbanding Chow Kit, Jalan Petaling atau Jalan Raja Laut. Begitupun, kita masih bernasib baik kerana pemimpin Pakistan itu tidak menggunakan tandas awam DBKL yang pastinya lebih bersih berbanding tandas awam di negara membangun lain tetapi belum cukup bersih untuk disamakan dengan tandas awam di negara maju.

Sudah lama Dr Mahathir tidak marah seperti Ahad lalu dan kerana itu, ada juga baiknya apabila sekali-sekala Perdana Menteri melenting secara terbuka seperti itu. Apa tidaknya, sehari selepas itu pelbagai pihak dengan segera memulakan tindakan, termasuk menguatkuasakan peraturan yang memang lama wujud. Daripada mengenakan denda maksimum kepada pembuang sampah di merata tempat sehinggalah kepada penggubalan peraturan baru, semua pihak nampaknya bersetuju dengan marah Dr Mahathir itu. Sebelum ini, walaupun berbuih dakwat akhbar menyiarkan pelbagai pandangan, laporan dan gambar mengenai kekotoran sama ada di Kuala Lumpur atau bandar lain di seluruh negara, ada saja jawapan dari pihak berkuasa tempatan, kontraktor sampah atau masyarakat setempat.

Soalnya sampai bila kita harus menjadi `seperti pahat dengan pemukul?' Undang-undang dan hukuman hanyalah satu cara untuk membentuk masyarakat tetapi kesannya belum pasti. Lihat saja dadah. Walaupun dihukum bunuh, saban hari masih ada yang ditangkap kerana mengedar dadah. Tentulah tidak adil bagi kita membandingkan dengan Singapura sehingga di tandas pun dipasang kamera bagi memastikan penggunaanya mengepam air selepas melepasi. Kita juga pastinya tidak mahu dan tidak mampu untuk menjadi masyarakat `takutkan' undang-undang seperti di seberang Tambak Johor itu.

Yang kita tahu, kebanyakan murid sekolah rendah sekarang masih membiarkan pinggan, gelas atau tray makanan bertaburan di meja untuk dibersihkan oleh pekerja kantin. Keadaan yang sama berlaku di sesetengah dewan makan institusi pengajian tinggi. Tidak ada bekas khas yang boleh mendidik mereka membuang sisa makanan dan meletakkan bekas kotor di itu. Kerana itu, apabila masuk ke sesetengah restoran McDonald atau KFC, mereka terpaksa diingatkan supaya membuang sisa makanan ke tempat yang dikhaskan. Sikap seperti ini tidak berlaku di negara maju. Di dewan makan universiti misalnya, profesor atau dekan meletakkan traynya ke tempat khas sebaik habis makan. Tindakan itu bukan kerana ada peraturan tetapi kerana kemudahan seumpamanya memang disediakan, ditambah dengan didikan supaya mengutamakan kebersihan sejak kecil.

Murid sekolah di negara ini baru mencecah usia dewasa sebaik Malaysia melangkah pada tahun 2020. Jika sikap sukakan kebersihan tidak ditanam, sama ada di sekolah atau di rumah, mulai sekarang, mereka akan mewarisi tabiat generasi yang hanya takutkan hukuman. Untuk memastikan ini tidak berlaku, ia bukan sekadar kempen kebersihan setahun sekali, ucapan bersulamkan hadis nabi atau dikenakan denda maksimum. Ia memerlukan asuhan jangka panjang di rumah, sekolah atau di tempat kerja. Jika tidak, Perdana Menteri pada tahun 2020 nanti terpaksa sekali sekala melenting apabila berdepan dengan keadaan seperti dialami oleh Dr Mahathir, Ahad lalu.

(END)